

**MIC Sambut Baik Langkah Dasar POL Di Sekolah Bukan Vernakular**  
**Bernamea**  
**22 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Presiden MIC Datuk G. Palanivel menyambut baik langkah Kementerian Pelajaran melaksanakan pengajaran Bahasa Ibunda Pelajar (POL) di semua sekolah bukan vernakular.

"Saya amat bangga bahawa bahasa Tamil akan diajar semasa waktu persekolahan," katanya dalam kenyataan di sini.

Sebelum ini, mata pelajaran POL diajar kepada pelajar bukan Melayu selepas waktu persekolahan.

Palanivel, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata dengan pelaksanaan pengajaran POL pada waktu persekolahan, maka lebih ramai pelajar India serta bangsa lain di sekolah bukan vernakular dapat mempelajari bahasa itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641748>